


Headline	Najwa Riben Merah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	07 May 2014	Language	Malay
Circulation	825,000	Readership	2,475,000
Section	Rap	Color	Full Color
Page No	R16	ArticleSize	584 cm ²
AdValue	RM 22,647	PR Value	RM 67,940



Headline	Najwa Riben Merah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	07 May 2014	Language	Malay
Circulation	825,000	Readership	2,475,000
Section	Rap	Color	Full Color
Page No	R16	ArticleSize	584 cm ²
AdValue	RM 22,647	PR Value	RM 67,940

Duta RRYC babitkan diri kerja khidmat masyarakat mengenai HIV/AIDS

Oleh Mohamad Hussin

mohamad_hussin@hmetro.com.my

“**S**aya mahu golongan belia di luar sana mengubah stigma terhadap pesakit HIV dan AIDS,” kata penyanyi remaja terkenal, Najwa Latif, 19, yang dipilih sebagai Duta Kelab Belia Riben Merah (RRYC) Majlis Aids Malaysia (MAM) sejak November tahun lalu.

Najwa berkata, dia berasa bertuah kerana diberi kepercayaan untuk menjadi duta RRYC sekali gus dapat membabitkan diri dalam kerja khidmat masyarakat kerana itu satu cara untuk berbakti kepada orang ramai termasuk peminat yang kebanyakan golongan belia.

“Sebagai duta RRYC, saya beranggapan pembabitkan seseorang artis itu dapat memberi impak yang baik kepada remaja berhubung persepsi negatif masyarakat di samping membantaras stigma dan diskriminasi terhadap orang yang hidup dengan HIV.

“Orang ramai mungkin takut apabila seseorang itu dijangkiti HIV sampai nak pegang mereka pun berasa takut kerana bimbang di-

jangkiti. Sebab itu pembabitkan saya dalam RRYC ini nak hapuskan stigma terhadap pesakit HIV.

“Sekiranya kita mendapat maklumat yang betul mengenai pesakit HIV ini, kita tidak perlu bimbang atau takut dan bukannya terus menghukum mereka,” katanya yang ditemui selepas majlis pelancaran kad RRYC MAM dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah, baru-baru ini.

Majlis pelancaran kad RRYC disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UUM Prof Madya Dr Abdul Malek Abdul Karim.

Selain Najwa, turut membuat persembahan pada malam itu adalah dua duta Selebriti Sokongan Riben Merah (RRCS) iaitu Fahrin Ahmad dan Bob Yusof.

RRYC adalah seruan MAM kepada belia berusia antara 18 hingga 40 tahun untuk menangani penularan HIV yang kian serius.

Najwa yang mencipta fenomena tersendiri mene-

rusi lagu Cinta Muka Buku pada 2011 berkata, dia menanam tekad melakukan sesuatu untuk golongan belia lebih-lebih lagi apabila mengetahui golongan itu, selain wanita antara yang paling ramai berisiko mendapat jangkitan HIV/AIDS.

“Semua yang dilakukan ini bukan semata-mata kerana wang, tetapi saya mahu beramal dan melakukan sesuatu untuk golongan belia agar mereka tidak mudah terjebak dalam gejala sosial yang mampu membawa kemusnahan dalam hidup.

“Justeru sebagai seorang selebriti, saya ada kelebihan menarik perhatian masyarakat bagi

mendengar mesej yang hendak disampaikan terutama golongan belia,” katanya.

Penyanyi yang berasal dari Batu Pahat, Johor itu bakal menamatkan kuliah di Universiti Tunku Abdul Razak (UNITAR) pada Jun depan dan bercadang melanjutkan pelajaran dalam bidang pendidikan ini berkata, dia menggalakkan semua

golongan belia supaya menjadi ahli RRYC dengan mendaftar melalui kad merah dengan bayaran RM15.

“Melalui kad ini, ahli akan mendapat pelbagai keistimewaan antaranya baucar diskaun di beberapa kedai terpilih dan boleh mengikuti mana-mana kempen kelab yang dianjurkan di seluruh negara,” katanya yang sedang rancak mempromosikan single terbarunya bertajuk Hilang.

Najwa juga bakal menerbitkan album terbarunya pada penghujung tahun ini berkata, dia berterima kasih kepada peminatnya apabila single terbaru itu menyaksikan lebih satu juta yang melayari di YouTube.

Program itu anjuran bersama RRYC UUM, Kelab Kerja Sosial UUM, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UUM, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Medical Latex (Dua) Sdn Bhd, Yayasan Sime Darby, 1Malaysia For Youth (1M4U) dan Hotel EDC UUM.